

28/09/2000

Faedah lebih besar untuk rakyat

JAMINAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Belanjawan Negara 2001 dijangka lebih baik dan mungkin menjadi belanjawan lebihan, berikutan ekonomi negara semakin kukuh, adalah berita yang paling menggembirakan. Kenyataan Dr Mahathir itu menghapuskan segala kebimbangan rakyat berikutan beberapa perkembangan terbaru ekonomi dunia yang tidak menggalakkan, kebelakangan ini. Dengan itu, rakyat bolehlah menjangkakan bahawa kehidupan mereka akan lebih terjamin dalam menghadapi Belanjawan tahun depan, sekali pun sedar banyak cabaran baru yang perlu dihadapi. Sekiranya keadaan ekonomi negara berjalan lancar tanpa gangguan luar, apa yang diharapkan akan dapat direalisasikan menerusi Belanjawan 2001.

Kenyataan Dr Mahathir menguatkan lagi hakikat keadaan negara yang hampir lumpuh akibat kegawatan ekonomi sejak pertengahan 1997, kini sudah pun jauh ditinggalkan. Malah, belanjawan tahun depan tidak lagi belanjawan defisit yang perbelanjaan melebihi pendapatan, seperti dialami sebelum ini. Apa yang nyata, ekonomi negara mula bergerak pantas sebagaimana terbukti menerusi kadar pertumbuhan ekonomi yang positif dan merangsangkan. Hari ini tidak lagi kedengaran rungutan pelbagai pihak mengenai masalah yang mereka hadapi.

Bank dan agensi kredit lainnya sudah pun membuka peluang kepada mereka yang mahu membeli rumah, kereta atau mendapatkan pinjaman perniagaan. Malah, urusan perniagaan berjalan lancar berbanding keadaan sewaktu kegawatan ekonomi. Sebagaimana dinyatakan oleh Dr Mahathir, wang yang ada di negara ini adalah mencukupi. Dengan beberapa galakan yang diberikan oleh kerajaan, termasuk kenaikan gaji, rakyat sendiri mula berasakan bahawa kehidupan mereka tidak lagi terhimpit. Walaupun diakui kerajaan masih lagi dalam keadaan berhati-hati berbelanja, apa yang jelas, Belanjawan 2001 yang akan dibentangkan di Parlimen Oktober nanti, tidak akan menafikan kepentingan rakyat. Ketika negara dilanda kegawatan pun, kerajaan tetap memberi keutamaan kepada masalah kehidupan rakyat. Oleh itu, adalah diyakini dalam keadaan ekonomi yang kian pulih ini, faedah yang lebih besar akan diberikan kepada rakyat.

Walaupun kerajaan merangka Belanjawan, tidak bermakna rakyat menyerahkan bulat-bulat kepada jentera kerajaan dan swasta untuk menggerakkan ekonomi. Sesungguhnya, rakyat mempunyai peranan yang besar untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dicapai sebagaimana diharapkan menerusi peningkatan produktiviti dan sokongan padu untuk menjayakan cita-cita negara. Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan ini tidak akan tercapai sekiranya rakyat cuba menghancurkan keamanan dan mengocak kestabilan politik negara. Itulah sebabnya kenapa sebarang usaha yang boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi negara patut dielakkan.

(END)